

Najib nafi Malaysia ke arah negara Islam Ortodoks
Malaysian Insider
Aug 21 , 2013
Oleh Yiswaree Palansamy

Datuk Seri Najib Razak (gambar) menafikan Malaysia menuju ke arah menjadi negara Islam Ortodoks, sebaliknya berkata kedua-dua Muslim dan bukan Muslim mempunyai sensitiviti yang perlu dihadapi apabila berhadapan dengan isu konflik agama.

Perdana Menteri berkata, adalah penting untuk rakyat Malaysia memahami antara satu sama lain pada ketika tindakan tegas diambil kerajaan terhadap pelatih anjing Muslim dan pemilik resort yang membenarkan penganut agama Buddha melakukan meditasi di surau.

“Bukan Muslim turut mempunyai sensitiviti dan penting untuk memahami sensitiviti semua,” katanya dalam sidang media di Majlis Rumah Terbuka Jabatan Perdana Menteri.

Najib berkata demikian ketika ditanya apakah Malaysia sedang bergerak ke arah negara Islam Ortodoks.

Kenyataan Najib hadir menjelang tarikh pendengaran gereja Katolik untuk mencabar sekatan kerajaan bagi mereka untuk menggunakan perkataan Arab “Allah” bagi akhbar mereka Herald.

Kumpulan hak Melayu Pertubuhan Pribumi Perkasa Kebangsaan dan Jalur Tiga mengugut untuk berhimpun bagi menyokong sekatan Putrajaya dan mengajak umat Islam untuk menyertainya. – 21 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-nafi-malaysia-ke-arah-negara-islam-ortodoks>